Sebahagian atlet memanah IPT yang menyertai *sesi pemilihan awal ke AUG di Terengganu.*

14 April 16
Berita Harian

Rebut peluang ke AUG 2016

Kuala Terengganu: Seramai 32 atlet memanah terbaik institusi pengajian tinggi (IPT) menyertai sesi pemilihan di Lapang Sasar Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Memanah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini, bagi merebut peluang mewakili negara dalam Asean University Games (AUG) Ke-18 yang akan berlangsung di Singapura pada Julai ini.

Pengarah Pusat Sukan & Rekreasi UniSZA, Riduan Mohamed Arof, berkata daripada jumlah itu, seramai 24 atlet dipilih untuk menjalani sesi pemilihan kedua yang diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada bulan ini (April).

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Panel Pemilihan Pasukan Memanah IPT Malaysia berkata, hanya 16 atlet akan disenarai pendek bagi membawa cabaran negara ke kejohanan antarabangsa itu.

"Selaku PKS Memanah, UniSZA sekali lagi diberi kepercayaan oleh Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Tinggi untuk membuat persiapan seterusnya menguruskan Pasukan Memanah IPT Malaysia ke AUG ke-18.

Prestasi atlet

"Pemantauan terhadap prestasi atlet IPT memanah dibuat sejak setahun yang lalu melalui kejohanan utama pada peringkat universiti serta kebangsaan untuk mengenal pasti atlet yang mempamerkan pencapaian konsisten.

"Pasukan memanah menjadi sandaran utama untuk menyumbang pingat emas kepada negara pada kejohanan berkenaan dan kita berharap agar dapat merealisasikan hasrat itu dengan memilih atlet yang benar-benar layak serta terbaik," katanya.

Antara IPT yang menghantar atlet bagi mengikuti sesi pemilihan itu adalah UniSZA, Universiti Malaysia, UPM, Universiti Teknologi MARA, Universiti Sains Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Tenaga Nasional.